



Aktiviti skytrex



Aktiviti flying fox



Tree top loft



Contoh aktiviti : tree top adventure


ii. Pusat Pameran dan Kemudahan Penginapan

Kemudahan pusat pameran dan kemudahan penginapan perlu disediakan dalam kawasan *Jelevu International Adventure Park* bagi memudahkan pengunjung untuk mendapat maklumat-maklumat yang berkaitan dan juga menggalakkan pengunjung untuk menginap dan memanjangkan masa lawatan dalam kawasan tersebut. Penyediaan kemudahan penginapan seperti resort dan rumah penginapan yang selesa dan menarik mampu menarik pelancong.

iii. Tapak Perkhemahan Hotspot

Selain daripada resort dan rumah penginapan, tapak perkhemahan yang selamat dan bersih merupakan penginapan alternatif kepada pengunjung yang ingin menikmati alam semula jadi dengan lebih dekat dan juga menjalankan pelbagai aktiviti berkumpulan seperti *team building* yang memerlukan mereka bermalam. Aktiviti *team building* selalunya menjadi tarikan di kalangan pelajar sekolah mahupun pelajar universiti. Penganjuran ini dilihat baik bagi memberi pendedahan terhadap kepentingan pemeliharaan dan pengekalan hutan kepada generasi muda. Selain itu, tapak perkhemahan ini perlu disokong dengan penyediaan kemudahan seperti bilik mandi, bilik persalinan bagi meningkatkan keselesaan pengunjung yang menggunakan kawasan tersebut.

Konsep Lokasi Kawasan Hutan Simpan di Negeri Sembilan




6.7 PEMBANGUNAN SEMULA WET WORLD AIR PANAS, PEDAS

Wet World Air Panas, Pedas telah dibangunkan pada tahun 1999. Kini, jumlah pengunjung ke kawasan pelancongan ini semakin menurun kerana promosi dan publisiti yang dijalankan tidak begitu berkesan. Masalah ini telah mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri Sembilan kerana kawasan ini mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan kawasan tarikan pelancongan negeri. Cadangan pembangunan semula ini juga dapat mengurangkan pembukaan tanah baru sehingga memberi kesan kepada kestabilan alam semula jadi dan ekosistem.

Selain dari itu, Pembangunan Taman Tema ini merupakan pembangunan yang bersifat inklusif kerana menawarkan pelbagai kemudahan lain termasuklah kemudahan penginapan, spa dan kesihatan, restoran dan kemudahan untuk aktiviti majlis perkahwinan dan sambutan hari jadi. Pembangunan ini digabungkan menjadi satu entiti yang diberi nama Atlantis The Palm, Dubai. Pembangunan seperti ini seharusnya menjadi salah satu contoh yang baik untuk diterapkan ke dalam pembangunan Taman Tema Air di Pedas ini.

Konsep Pembangunan Semula Wet World Air Panas, Pedas



1 RESORT DAN PEJABAT PENGURUSAN

- KEMUDAHAN RESORT DAN PENGINAPAN
- PUSAT INFORMASI DAN KAUNTER TIKET MASUK
- PEJABAT PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN
- STESEN MULA REL DAN PINTU MASUK/KELUAR UTAMA KE KAWASAN TAMAN TEMA

PROGRAM

- PAMERAN BERKAITAN TAMAN TEMA AIR



2 RESTORAN DAN ONE STOP POINT

- KEMUDAHAN PELBAGAI JENIS RESTORAN
- KEDAI CENDERAMATA
- TAMAN PERMAINAN
- SPA DAN WELLNESS CENTRE

PROGRAM

- SAMBUTAN HARI JADI
- MENDAPATKAN CENDERAMATA



3 GARDEN BY THE PARK

- TAMAN DAN LANDSKAP BUNGA
- KEMUDAHAN BEREHAT
- TAMAN PERMAINAN
- SPA DAN WELLNESS CENTRE

PROGRAM

- SLIDES IN THE GARDEN
- AKTIVITI KELUARGA





4 WATER SLIDES PARK

- PELBAGAI KEMUDAHAN WATER SLIDE (EXTREME)
- TEROWONG LAJUAN AIR
- WATER FLYING FOX
- BADE POOL

PROGRAM

- MELUNCUR AIR SECARA EXTREME
- FLYING FOX MELINTASI KOLAM




5 MEGA STORM BEACH

- MEGA STORM HOOP/LOOP
- WATER BOBSLEIGH
- TUBE RIDE

PROGRAM

- FAMILY TUBE RIDES
- ROUNDED TUBE RIDES





6 RIVER SLIDES ADVENTURES

- ↳ WILD BLASTER
- ↳ EXTREME ZIGZAG WATER SLIDE
- ↳ WATER WHEEL RIDES

PROGRAM

- WATER ROLLER COASTER
- WATER WHEEL RIDES



7 RIVER SLIDES ADVENTURES

- ↳ ADULT POOL
- ↳ NEPTUNE SLIDES
- ↳ SLIDE BY THE HOUSE




8 GARDEN BY THE PARK

- ↳ TAMAN DAN LANDSKAP BUNGA
- ↳ KEMUDAHAN BEREHAT
- ↳ TAMAN PERMAINAN

PROGRAM

- AKTIVITI KELUARGA
- SLIDES IN THE GARDEN



9 KEMUDAHAN MELETAK KENDERAAN

- ↳ TEMPAT MELETAK KERETA
- ↳ TEMPAT MELETAK MOTOSIKAL
- ↳ KEMUDAHAN BURAU
- ↳ PUSAT PENJANAAN ELETRIK
- ↳ KIOSK



6.8 NEGERI SEMBILAN REGIONAL PARK

Pembangunan Negeri Sembilan Regional Park yang dicadangkan di Jelebu ini adalah bagi menyeimbangi pembangunan tepu bina yang berfokus di kawasan Seremban dan Port Dickson. Cadangan ini dilihat mampu memberi kesan positif kepada pembangunan setempat. Selain itu, pembangunan ini dilihat selari dengan wawasan kerajaan negeri dalam mencapai pembangunan mampan untuk Negeri Sembilan.

Dalam aspek pembangunan sosial, pembangunan Negeri Sembilan Regional Park ini akan membantu dalam menjadikan masyarakat yang lebih harmoni dan produktif. Masyarakat memerlukan ruang untuk mencari inspirasi dan ketenangan. Taman ini juga membantu dalam pembentukan masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat. Penyediaan kemudahan sukan dan aktiviti yang berasaskan mesra alam sekitar ini bakal menjadi aktiviti menyihatkan kepada masyarakat sambil meluangkan masa bersama keluarga. Sebahagian kawasan di sini juga akan disediakan kawasan untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan seperti sambutan hari jadi dan perkahwinan. Ini akan menerapkan perasaan cinta kepada alam sekitar dalam kalangan anggota masyarakat.

Beberapa cadangan komponen pembangunan Negeri Sembilan Regional Park telah dikenalpasti seperti Mini Amusement Park, Botanical Garden, Sport Spot, Maze Park, Aurora Borealis Lake, Horse Ride Park, Diamond Plaza dan juga kemudahan seperti surau, parking dan juga infrastruktur yang dilihat bersesuaian.

i. Cadangan Pembangunan Mini Amusement Park

Cadangan Mini Amusement Park ini adalah untuk memudahkan kanak-kanak bermain dan bakal menjadi lokasi pelancongan kepada pengunjung ke Negeri Sembilan. Kemudahan yang dicadangkan untuk disertakan di dalam Mini Amusement Park ini adalah seperti Ferris Wheel, Carousel dan lain-lain.



Ferris Wheel mampu memberi imej yang menarik dan menjadikan Negeri Sembilan sebagai Ikon




Carousel menjadi permainan untuk taman tema

ii. Cadangan Pembangunan Botanical Park

Botanical Park telah dikenalpasti sebagai salah satu komponen dalam cadangan Negeri Sembilan *Regional Park*. Botanical Park ini akan menjadi elemen peimbang utama untuk pembangunan ini. Tambahan pula, Botanical Park akan membantu memberi elemen hijau kepada pembangunan ini. Terdapat banyak aktiviti yang boleh dijalankan di dalam *Botanical Park* ini termasuklah *Garden Cafe*, *Light Water Show* dan *Miracle in The Moonlight*.

iii. Aurora Lake

Tasik merupakan satu elemen penting dalam menambah baik sistem alam sekitar dan memberi elemen penyejuk dan menenangkan untuk setiap pengunjung. Kebiasaannya, di kawasan taman, tasik menjadi satu perkara utama kerana ia bakal menjadi tarikan utama. Apabila tasik yang disediakan adalah bersih dan cantik, maka kadar kehadiran pengunjung juga bakal meningkat. Tasik Aurora ini bakal menjadi tarikan dengan aktiviti yang bakal ditawarkan seperti *riding boat*, memberi makan kepada ikan dan kawasan santai keluarga.



Tasik buatan yang menarik mampu memepertingkat imej taman



Warna memainkan peranan dalam menyerlahkan pemandangan

iv. Health Spot


Antara aktiviti yang menjadi pilihan pengunjung di taman awam adalah aktiviti bersukan. Di samping melakukan aktiviti bersama keluarga, mereka juga boleh menyihatkan badan. Dengan kepelbagaian tawaran kemudahan dan aktiviti ini bakal menjadikan kawasan taman ini lebih hidup dan berdaya huni pada waktu siang mahupun malam. Kemudahan yang ditawarkan ini juga merangkumi pelbagai peringkat umur. Antara aktiviti yang dicadangkan ialah gim terbuka, kawasan sukan ekstrem seperti kasut roda, skateboarding, memanah berbasikal dan juga kemudahan kawasan permainan kanak-kanak.



Aktiviti sukan dan riadah menjadi pilihan pengunjung

v. Horse Riding

Aktiviti menunggang kuda di dalam kawasan taman merupakan aktiviti yang sering dijalankan di luar negara seperti Amerika Syarikat, Namun, di Malaysia aktiviti menunggang kuda ini jarang dijalankan. Oleh yang demikian, pengenalan aktiviti menunggang kuda di Negeri Sembilan *Regional Park* bakal menjadi tarikan yang baru dan pertama di Negeri Sembilan sendiri. Selain itu, aktiviti ini akan menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup yang sihat.



Aktiviti menunggang kuda merupakan aktiviti ekstrem yang semakin mendapat sambutan

vi. Square by the Park

Kawasan terbuka kebiasaanya bakal menjadi kawasan interaksi antara sesama keluarga mahupun masyarakat. Kawasan ini juga menjadi pilihan untuk pengunjung untuk mendapatkan ketenangan mahupun beraktiviti sukan pasif seperti yoga mahupun *tai chi*. Banyak manfaat bakal diperolehi dengan menyediakan kawasan terbuka ini. Selain itu, ini akan memudahkan pengunjung dalam merancang aktiviti seperti majlis perkahwinan mahupun konsert ataupun program khas masyarakat.



Kawasan terbuka menjadi kegemaran untuk aktiviti bersama keluarga mahupun taulan



DRAF RANCANGAN STRUKTUR NEGERI SEMBILAN 2045

